

18 APR 1996

Mahathir-Ketibaan

DR MAHATHIR MULA LAWATAN EMPAT HARI KE BALKAN

Oleh: Mokhtar Hussain

ZAGREB, 18 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini pada hari Khamis untuk berunding dengan pemimpin dan ahli perniagaan Croatia sebagai sebahagian daripada lawatan empat harinya ke negara-negara Balkan, bertujuan menggalakkan hubungan perdagangan dalam usaha pembinaan semula negara yang musnah akibat peperangan itu.

Perdana Menteri dengan diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali tiba dengan pesawat khas dari Zurich. Ketibaannya di lapangan terbang Zagreb disambut oleh Perdana Menteri Croatia Zlatko Matesa dan Menteri Ekonomi Davor Stern selaku Menteri Pengiring.

Kuasa Usaha Malaysia Kamal Ismaun juga hadir.

Rombongan Dr Mahathir termasuk pemimpin 14 syarikat Malaysia dan pegawai kerajaan. Beliau kemudian dibawa ke Banski Dvori (Bangunan Kerajaan) di sini untuk mengadakan pertemuan dengan Matesa sebelum pertemuan peringkat delegasi kedua-dua negara.

Kedua-dua pemimpin itu dijangka menjuruskan kepada kerjasama perdagangan dan mempermudah urusan perjalanan antara kedua-dua negara.

Beliau akan mengunjungi Presiden Franjo Tudjman lewat petang.

Antara anggota delegasi itu ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa Dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, Timbalan Menteri Luar Datuk Dr Leo Michael Toyad dan Ketua Setiausaha Kementerian Luar Tan Sri Ahmad Kamil Jaafar.

Dr Mahathir akan juga membuka Pameran Barangan Malaysia sebelum merasmikan pelancaran jualan kereta Proton di Pesta Musim Bunga Zagreb di sini.

Selepas pertemuan peringkat delegasi, Dr Mahathir akan menyaksikan majlis menandatangani perjanjian bagi memansuhkan sebahagian daripada syarat visa antara Dr Toyad dan rakan sejawatannya di Croatia, Ivan Simonovic.

Beberapa perjanjian usahasama dan memorandum persefahaman juga akan ditandatangani semasa lawatan ke Croatia ini antara pegawai tinggi syarikat-syarikat Malaysia yang mengiringi Perdana Menteri dan ahli-ahli perniagaan Croatia.

Delegasi ahli perniagaan Malaysia dikepalai Pengerusi HICOM Berhad Datuk Seri Yahaya Ahmad. Yang lain termasuk Pengerusi Penerbangan Malaysia Tan Sri Tajuddin Ramli, Pengerusi Eksekutif Renong Berhad Tan Sri Halim Saad, Pengerusi Eksekutif Tenaga Nasional Berhad Tan Sri Ani Arope, Pengerusi Eksekutif Sapura Holdings Sdn Bhd Tan Sri Shamsuddin Abdul Kadir, Pengerusi Arab-Malaysian Merchant Bank Tan Sri Azman Hashim dan Pengerusi Westmont Berhad Tan Sri Ghazali Shafie.

Dr Mahathir juga dijadualkan menemui bekas Perdana Menteri Croatia Nikica Valentic sebelum menemui wakil-wakil Pusat Islam Croatia di tempat penginapannya di Inter-Continental Hotel di sini.

Perdana Menteri dan rombongannya akan berlepas ke Sarajevo esok untuk meneruskan lawatannya ke negara-negara Balkan yang akan berakhir di Macedonia pada 21 April. -- BERNAMA

MOK NMO